

25 FEB 2001

Khalil-Pertemuan

MASUKKAN APA SAJA DALAM AGENDA, KATA KHALIL

KUANTAN, 25 Feb (Bernama) -- Pas boleh memasukkan apa sahaja yang hendak dibangkitkannya dalam agenda pertemuan parti itu dengan Umno, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

"Kita berpegang kepada hakikat apa sahaja yang nak dibangkitkan itu lebih sesuai dimasukkan dalam agenda pertemuan...apa sahaja, sama ada yang sudahpun disebut ataupun yang baru," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program gotong royong di Kampung Padang di sini.

Beliau berkata dua daripada syarat yang dikenakan oleh Pas iaitu berkaitan royalti minyak dan penerbitan akhbar rasminya Harakah, boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada agenda pertemuan.

"Kita telah mendapat jaminan daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan Umno sanggup berbincang apa sahaja yang nak dibangkitkan oleh Pas. Jadi sebaik-baiknya semua perkara yang dikatakan syarat itu disebut dalam agenda pertemuan," katanya.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor semalam dilaporkan berkata pertemuan penyatuan Melayu antara kedua-dua parti itu sukar untuk direalisasikan jika Umno enggan menunaikan tiga syarat yang dikehendaki Pas.

Pas menangguhkan pertemuan yang sepatutnya diadakan pada 19 Feb lepas dengan mengemukakan tiga syarat iaitu kerajaan pusat mengembalikan royalti minyak kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Mengenai suasana kondusif yang diminta oleh Pas bagi mengadakan pertemuan itu, Khalil berkata suasana seperti itu sepatutnya meliputi skop lebih meluas.

"Mengikut laporan yang saya terima, mereka masih lagi menyerang Umno dan pemimpin-pemimpin Umno. Adakah ini nak mewujudkan suasana yang kondusif," katanya.

Khalil berkata beliau turut menerima pelbagai nasihat dan cadangan daripada kalangan anggota Umno supaya ia juga sepatutnya mengenakan syarat-syarat tertentu dalam pertemuan itu.

"Tetapi saya mengambil semangat bahawa dalam jawapan Presiden Pas kepada surat Presiden Umno, jelas di situ mengatakan kesanggupan untuk diadakan pertemuan dan perbincangan," katanya.

-- BERNAMA

ROS MAI